SISTEM POLITIK DARI SUDUT ISLAM

Sinar Islam

Oleh
KAMARULZAMAN MD NOOR

Al-Quran dan Sunnah Rasulullah adaah dua sumber asasi ajaran Islan dan sekaligus menjadi sumber hukum dan perundangan untuk mengatur dengan teliti masalah kehidupan manusia, baik yang berhubungan dengan Allah maupun yang berhubungan dengan sesama manusia atau dengan alam.

KEFAHAMAN tentang erti sebenar *Islam* adalah penting ke arah penerapan nilai-nilai Islam dalam penghidupan kita seharian secara menyeluruh.

Kita mempunyai ramai alim-ulama, agamawan yang pandai di dalam bidang keagamaan mereka pandai dan rajin membaca Al-Quran, sembahyang, berpuasa serta melakukan ibadat-ibadat lain.

Tetapi bagaimana halnya dengan perkara-perkara yang pada kasarnya seolah-olah tiada kaitan dengan ibadat? Misalnya urusan kehidupan sehari-hari dianggap seolah-olah tidak ada kena mengena dengan konsep *ibadat* yang sebenarnya.

Salah satu faktor yang menimbulkan keadaan ini ialah sistem pendidikan yang kita lalui, baik di sekolah-sekolah agama 'pondok' atau di sekolah-sekolah 'sekular' yang mementingkan ilmu kedunia an semata-mata.

Di sekolah pondok, pelajaran ditumpukan kepada soal-soal rukun agama, tetapi soal-soal keduniaan tidak diberi perhatian yang berat.

Penjajahan pula membawa nilai kebudayaan sekular Barat di dalam masyarakat kita. Pada umumnya, masyarakat telah menerima sistem sekular yang memisahkan soal-soal agama dan ibadat dari sistem ekonomi, politik dan sosial.

Pendidikan sekular mementingkan nilai-nilai keduniaan semata-mata dan menolak ilmu keakhiratan. Sistem pendidikan sekular melahirkan manusia yang tidak sempurna, sedangkan kita ingin merealkan manusia yang mempunyai budi pekerti yang mulia, yang berhemah tinggi bagi menjamin pembentukan masyarakat yang selamat di dunia dan di akhirat.

Perbezaan

Dari segi bahasa, perkataan *Islam* diambil dari kata *salima* yang bererti *selamat*. Dari asal kata itu dibentuk kata *aslama* yang bererti menyerahkan diri, tunduk patuh dan taat.

Nama Islam mempunyai perbezaan yangluar biasa dengan nama agama lain. Agama lain mempunyai nama yang berdasarkan kepada nama pengasasnya ataupun mengikut tempat asalnya. Tetapi kata *Islam* tidak mentpunyai hubungan dengan orang tertentu atau golongan manusia atau sesuatu negeri.

Islam adalah nama yang diwahyukan oleh Allah sendiri seperti yang dinyatakan di Surah Ali Imran ayat 19 yang bermaksud:

"Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam."

Dan Surah Al-Maidah ayat 3 yang bermaksud:

"Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagimu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Aku redai Islam itu menjadi agamamu."

Agama ialah perkataan yang berasal dari bahasa Sanskrit. Ia membawa erti kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan atau kepada yang maha mengetahui. Beragama bererti mempercayai adanya kekuatan kudrat yang maha mengatasi, menguasai, menciptakan dan mengawasi alam semesta dan yang telah menganugerahkan kepada manusia suatu watak rohani, supaya manusia dapat hidup terus menerus setelah mati tubuhnya.

Pengertian agama itu dapat dirumuskan sebagai suatu sistem kepercayaan kepada Tuhan, serta suatu sistem penyembahan kepada Tuhan.

Dalam bahasa Arab dan istilah Al-Quran, kata agama dapat disamakan dengan kata *al-din*, sebagaimana firman Allah dalam Surah Ash-Shaf ayat 9 yang bermaksud:

"Sesungguhnya *din* (agama) di sisi Allah ialah Islam."

Agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (SAW) ialah apa yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Taala di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, berupa perintah-perintah, larangan-larangan dan petunjuk-petunjuk untuk kesejahteraan dan kebahagian hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Ajaran Islam meliputi dua bahagian penting. Ia mengatur hubungan manusia dengan Allah, tentang kepercayaan dan penyembahan — iaitu sistem iman dan sistem ibadah.

Kekuasaan

Ia juga mengatur hubungan manusia sesama manusia dan hubungannya dengan alam. Islam mempunyai ajaran-ajaran tentang sistem ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan sebagainya.

Walaupun kita menyebut dua bahagian, tetapi sebenarnya tidak ada pemisahan mutlak antara keduanya seperti dalam fahaman sekular. Keterlibatan hubungan manusia sesama manusia dan manusia dengan alam serta makhluk Allah lainnya berpangkal dari hubungan manusia itu dengan Allah yang mencipta dan menentukan segala-galanya.

Islam melihat politik itu sebagai satu aspek perhubungan kekuasaan bukan sahaja di antara manusia dengan manusia, tetapi juga di antara manusia dengan Tuhan.

Sistem politik Islam didasarkan atas tiga prinsip iaitu *tauhid* (keesaan Tuhan), *risalah* (kerasulan) dan *khilafah*.

Tauhid bererti bahawa hanya Tuhan Yang Maha Esa, Maha Berkuasa, Pencipta dan Pemelihara seluruh alam semesta dan segala yang terdapat di dalamnya. Tuhan sahajalah yang berhak memberi perintah atau melarang. Prinsip ini dengan sendirinya membatalkan kedaulatan hukum dan politik dari buatan manusia, baik secara individu ataupun secara kumpulan. Tidak seorang manusia pun yang dapat mendakwa sebagai mempunyai kuasa ke atas apa-apa.

Kita menerima hukum Allah melalui *risalah* iaitu kerasulan. Allah mengutuskan rasul-rasul dari masa ke masa yang membawa pengajaran dan petunjuk dari Allah kepada manusia.

Dengan kitab suci Al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (SAW), Allah menyempurnakan rahmat dan petunjuk bagi manusia yang sebelumnya telah didatangi oleh rasul-rasul yang lain yang menyampaikan kitab-kitab suci yang lain.

Di samping itu, perilaku Rasulullah (SAW) sendiri, termasuk ucapan-ucapannya, adalah pelengkap dan penjelas kitab Al-Quran. Al-Quran telah menegakkan bagi kita satu sistem hidup yang diredai Allah, dan amalannya dalam hidup manusia sehari-hari telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad. Ketentuan dari kedua-dua unsur ini, Al-Quran dan Sunnah Rasulullah, itulah yang dinamakan *syariat*.

Khilafah pula bererti perwakilan. Kedudukan manusia di dunia ini menurut ajaran Islam adalah kedudukan sebagai wakil, yang harus memegang amanah di muka bumi ini buat sementara hayatnya menurut perintah Allah.

Al-Quran dan Sunnah Rasulullah adalah dua sumber asasi ajaran Islam dan sekaligus menjadi sumber hukum dan perundangan untuk mengatur dengan teliti masalah kehidupan manusia, baik yang berhubungan dengan Allah mahupun yang berhubungan dengan sesama manusia atau dengan alam.

Negara yang didirikan sesuai dengan teori politik ini pada hakikatnya akan menjadi satu perwakilan manusia di bawah kekuasaan Allah dan akan memenuhi tujuan dan maksud Allah dengan bekerja di bumi Allah ini dalam batas-batas yang ditetapkan oleh-Nya dan sesuai dengan ajaran-ajaran-Nya.

Mengikut sistem pemerintah negara secara Islam kekuasaan yang sebenarnya berada pada Allah dan manusia adalah wakil-wakil-Nya.

Hak kewarganegaraan dalam Islam tidak terbatas kepada orang-orang yang lahir dalam sesebuah negara sahaja, tetapi diberikan juga kepada setiap Muslim tanpa memperhatikan tempat kelahirannya atau tempat asalnya.

Kebebasan

Islam juga telah meletakkan hak-hak tertentu buat orang bukan Muslim yang mungkin bertempat tinggal dalam wilayah negara Islam dan dengan sendirinya hak-hak ini adalah sebahagian dari perlembagaan sesuatu negara Islam. Jiwa, hak milik dan martabat seseorang warganegara bukan Muslim harus dihormati dan dilindungi secara sama dengan warganegara Muslim.

Negara Islam tidak boleh turut campurtangan dalam 'personal law' warganegara bukan Muslim. Mereka mempunyai kebebasan penuh untuk melakukan peribatan dan upacara-upacara keagamaan mereka secara yang mereka sukai asalkan tidak mengganggu kegiatan masyarakat Islam di sekitarnya.

Warganegara bukan Muslim di dalam negara Islam dibenarkan melakukan propaganda agama mereka, malahan mereka juga dibolehkan untuk melahirkan kritikan terhadap Islam mengikut ketetapan undang-undang dan kesopanan. Hak-hak yang diberikan dalam hal ini tidak terbatas, tetapi undang-undang negara harus dihormati sepenuhnya dengan segala kritikan harus dilakukan dalam batas dari undang-undang itu, yang juga berlaku bagi semua para warganegara tanpa berkecuali. Orang-orang bukan Muslim tidak boleh dilucuti hak-hak yang telah diberikan kepada mereka, kecuali jika mereka telah membuat pembatalan pada persetujuan yang telah memberikan mereka kewarganegaraan itu.

Sistem ekonomi Islam pula dikuasai oleh ciri-ciri moral dalam perancangan ekonominya.

Dalam sistem perekonomian Islam hak milik yang mutlak adalah kepunyaan Allah. Islam tidak menghiraukan perbezaan yang boleh mengakibatkan lahirnya suatu monopoli perseorangan, kelas, suku atau golongan rakyat tertentu atas barang-barang makanan dan kehidupan manusia.

Adalah hak semua orang untuk berusaha dan memperolehi bahagian dari semua benda di atas muka bumi ini yang telah dikurniakan oleh Allah bagi mereka. Islam menjamin supaya dalam usaha ini semua diberi kesempatan-kesempatan yang sama dan keadilan memilih yang sama pula bagi semua orang.

Pembahagian

Sumber-sumber yang disediakan oleh alam dengan percuma dan secara langsung dapat digunakan oleh manusia boleh dipergunakan dengan bebas dan setiap orang berhak untuk mengambil faedah darinya sekadar yang diperlukannya. Barang-barang yang tidak boleh dimonopoli oleh orang persceorangan ialah seperti air, padang rumput ternakan, sumber bahan api seperti petroleum,sumber tenaga perusahaan dan garam. Semua barang-barang ini tiada siapa pun yang boleh memonopolinya ataupun dikenakan pembatasan dalam bentuk apa jua pun.

Hak milik perseorangan wujud, juga hak milik awam. Bentuk pasaran di dalam Islam adalah dua bentuk, iaitu pasaran bebas Individu, dan pasaran yang dimonopoli oleh pihak kerajaan.

Pasaran bebas individu ialah pasaran yang unit-unitnya tunduk kepada mekanisme pasaran. Keluar masuk pasaran dijamin oleh hukum Islam dengan syarat tiada berlaku kecoh harga dalam pasaran tersebut. Kebebasan tindakbalas unit-unit pasaran dikehendaki oleh Islam, tetapi Islam melarang dengan tegas sikap monopoli di dalam pasaran.

Pasaran yang dimonopoli oleh pihak kerajaan ialah di mana pihak kerajaan menentukan segala urusan pentadbiran dan mekanisme harga. Segala kegiatan pasaran dikawal oleh kuasa pusat pemerintah. Di dalam Islam kerajaan dikehendaki memonopoli bidang-bidang barangan yang memberi manfaat awam seperti makanan dan pakaian (iaitu barang keperluan asasi) yang perlu untuk kegunaan seharian.

Pembahagian kekayaan pula dapat diselesaikan dengan tiga cara yang diwajibkan:

● Pusaka adalah hak kepunyaan bagi ahli waris si mati yang wajib dibahagikan dengan saksama dan adil kepada mereka menurut hukum Allah yang tercatat dalam Al-Quran dan Hadis, gunanya untuk menjaga kehidupan keluarga daripada kucar-kacir dan keburuan.

● Pembahagian Zakat: Harta yang sampai hitungan (nisab) dan masanya wajib dikeluarkan zakatnya mengikut syarat-syarat tertentu, gunanya untuk memperbaiki nasib umat Islam dan masyarakat agar mereka itu dapat hidup seimbang dengan saudara-saudaranya yang lain. Selain dari itu pembahagian zakat boleh menghapuskan kemiskinan.

● Pembahagian oleh Kerajaan: Kerajaan mempunyai kuasa mengambil harta orang kaya untuk dibalagikan kepada rakyat yang miskin dan melarat suaya mereka itu dapat hidup sebagai manusia yang sempurna. Dasar ini telah ditegaskan oleh Allah firman-Nya dalam Surah Adz-Dzaariyaat ayat 19 yang bermaksud:

"Pada harta orang-orang kaya itu ada hak yang tetentu bagi orang yang meminta dan sengsara."

Bagaimanapun tindakan tersebut bukanlah secara melulu, tetapi setelah diselidiki dan didapati bahawa orang-orang kaya itu tidak mengeluarkan zakatnya sedangkan harta mereka telah sampai nisab dan hulnya (hitungan dan masanya). Oleh itu harta yang diambil oleh pihak pemerintah lalah sekadar zkat yang wajib dikeluarkannya sahaja.

Kebudayaan

Sistem ekonomi Islam dengan secara langsung telah menolak sistem kapitalisme yang menjadikan pengumpulan harta milik sebagai tujuan utama dalam kehidupan dan semata-mata untuk pemuasan hawa nafsu. Ini akan melahiran kerakusan dan peninddasan ekonomi dalam berbagai bentuk. Sistem ekonomi Islam juga bertentangan dengan sistem komunisme yang menghapuskan milik persorangan dan menjadikan harta sebagai milik negara.

Dengan demikian sistem ekonomi Islam yang dibentuk melalui prinsip Al-Quran dan Hadis adalah satu sistem yang ideal untuk manusia bagi kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sistem sosial Islam pula terletak di atas kepercayaan bahawa semua makhluk manusia adalah sama dan merupakan satu *ukhuwwah* (ikatan persaudaraan) yang unggul.

Islam menolak secara langsung akan organisasi masyarakat yang berdasarkan semangat kebangsaan (nasionalisme) yang sempit yang mementingkan satu golongan sahaja tanpa mengambil kira golongan-golongan yang lain. Islam menganggap semua manusia adalah bersaudara.

Dasar usaha bersama di antara manusia di dalam masyarakat adalah satu prinsip moral yang penting dalam Islam. Setiap golongan yang mempercayai Allah dan menerima pimpinan dan bimbinga Rasulullah Muhammad (SAW) sebagai satu cara hidup golongan atau masyarakat ini mempunyai hak-hak dan kedudukan sosial yang sama tidak mengira bangsa dan keturunan.

Demikian pulalah halnya jika dua golongan manusia hidup dalam satu negeri atau negara yang berbeza-beza dalam sistem kepercayaan, prinsip dan ideologi — mereka akan terus juga menyertai ikatan-ikatan bersama dari umat manusia. Itulah sebabnya maka masyarakat Islam memberikan kepada masyarakat-masyarakat dan golongan-golongan yang bukan Islam hak-hak sosial dan kebudayaan yang semaksimum mungkin dapat diberikan berdasarkan kepada ikan-ikatan bersama dari umat manusia.

Pada kesimpulannya Islam dapat dilihat sebagai satu cara hidup yang menyeluruh, merangkumi aspek-aspek penghidupan cara hidup dalam keluarga, cara hidup berjiran, cara hidup dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

Sistem Islam dan cara hidup Islam dalah berbeza dengan sistem dan cara hidup yang ada di dunia ini seperti sistem kapitalisme, sosialisme, dan komunisme; tetapi Islam bukanlah satu fahaman atau "isme" ciptaan manusia. Islam diwahyukan oleh Allah SWT melalui Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW bagi menjamin kebahagiandunia hidup di dunia dan akhirat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia